

Penyelesaian Harta Pusaka *Mafqud* Menurut Perspektif Undang-Undang Islam

Mohd Muslim Salleh,^{a,*} Nasrul Hisyam Nor Muhamad,^a Ezwan Rafiq Husin,

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

^a*alfaradyjb@gmail.com*

^b*ezwan_rafiq@yahoo.com*

*Corresponding author: *nasrul@utm.my*

Article history

Received: 2015-12-03

Received in revised form: 2017-01-08

Accepted: 2017-01-26

Abstract

The issue of muslims inheritance has been discussing since in recent years. This is due to the increased value of the estate, particularly involving muslims property unclaimed and completed by the beneficiary. *Mafqud* case is one of the causes of the deceased estate that could not be completed. In this context, the meaning of *Mafqud* is beneficiary who lost his life in which the status cannot be determined. This is not to be taken lightly as it can cause other problems such as *Munasakhat* (death plated). This article will discuss the theory and calculations of *Taqdir* and *al-Jam'u*, which are combined the calculation if beneficiary still alive and the calculation if beneficiary is dead. On the basis of this calculation, the least part of beneficiaries obtained between two destinies will be determined to solve the problem of distribution of the estate. The authors also discuss the application of the theory of *al-Taqdir* in some circumstances *Mafqud* case in detail. The data obtained in order to produce this article is from a literature review of previous studies and the view of Islamic jurisprudence. Therefore the authors suggested that the theory of *al-Taqdir* should be used for the settlement of Muslim inheritance in *Mafqud* cases.

Keywords: Islamic inheritance law, *Mafqud*, the theory of *al-Taqdir*

Abstrak

Isu berkenaan harta pusaka orang telah mula dibincangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini adalah disebabkan oleh peningkatan nilai harta pusaka terutamanya melibatkan harta orang Islam yang tidak dituntut dan diselesaikan oleh ahli waris. Kes *Mafqud* adalah salah satu punca harta pusaka si mati tidak dapat diselesaikan. Dalam konteks ini *Mafqud* yang dimaksudkan adalah ahli waris yang hilang di mana status hidupnya tidak dapat ditentukan. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh menimbulkan masalah lain iaitu *Munasakhat* (kematian berlapis). Artikel ini akan membincangkan berkenaan teori *al-Taqdir* dan pengiraan *al-Jam'u*, iaitu digabungkan di antara pengiraan takdir hidup dan pengiraan takdir mati. Dalam konsep pengiraan *al-Jam'u* ini kadar yang paling sedikit bahagiannya yang ahli waris perolehi di antara dua takdir tersebut akan dipilih untuk menyelesaikan permasalahan pembahagian harta pusaka. Penulis juga turut membincangkan mengenai aplikasi teori *al-Taqdir* dalam beberapa keadaan kes *Mafqud* secara terperinci. Data yang diperolehi bagi menghasilkan artikel ini adalah dari kajian kepustakaan, kajian-kajian lepas dan mengambilkira pandangan fiqh. Hasil daripada penulisan ini, penulis mencadangkan agar teori *al-Taqdir* digunapakai bagi penyelesaian harta pusaka orang Islam yang melibatkan kes *Mafqud*.

Kata kunci: Undang-undang pewarisan Islam, *Mafqud*, teori *al-Taqdir*

1.0 PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, isu-isu yang berkaitan dengan harta pusaka mula menjadi topik perbincangan hangat sama ada di kalangan golongan cendekiawan, media massa mahupun elektronik. Perkara ini telah didedahkan oleh akhbar tempatan seperti laporan akhbar Berita Utusan Online bertarikh pada 10 September 2013 melaporkan bahawa Projek *al-Mafqūd* yang sedang diusahakan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mampu menjadi instrumen berkesan bagi menyelesaikan masalah harta orang Islam tidak dituntut yang kini mencecah RM 66.6 bilion. Utusan Online, 17 Februari 2013 mendedahkan bahawa sebanyak RM 52 bilion nilai harta pusaka tertunggak dengan majoritinya milik orang Islam gagal diwariskan kepada individu yang berhak di seluruh negara. Jumlah tersebut meningkat dari RM 40 bilion pada tahun 2007 dan semakin bertambah ekoran peningkatan nilai hartanah serta kes tuntutan harta pusaka yang semakin banyak.

Di Malaysia, terdapat kes *Mafqūd* yang berlalu tanpa penyelesaian seperti isu wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut (Ghazali Ibrahim, 2011:10). Persoalan timbul, terutama mengenai status waris sama ada telah meninggal dunia atau sebaliknya? Sekiranya telah meninggal dunia, mengapa waris tidak datang menuntut? Isu-isu permasalahan pembahagian harta pusaka dalam kes *Mafqūd* ini menjadi lebih rumit lagi apabila kes *Mafqūd* sebegini berlarutan sehingga membawa kepada berlakunya kematian waris berlapis yang diklasifikasikan sebagai masalah *Munāsakhāt*.

Secara mudahnya, *Mafqūd* ialah orang yang pergi tidak diketahui khabarnya sama sekali dan tidak boleh dipastikan adakah dia masih hidup atau telah mati. Dalam konteks pewarisan, *Mafqūd* bermaksud waris yang hilang, iaitu apabila seseorang meninggal dunia, ada di antara ahli waris si mati tersebut yang berhak untuk menerima pusaka tetapi tidak dapat dikesan, tidak tahu khabar berita tentangnya, sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia (al-Ṣabūnī, 2008: 205; Wahbah Zuhailī, 2013: 102).

Dalam konteks undang-undang semasa, pengesahan Anggapan Kematian untuk waris yang hilang perlu diperolehi daripada mahkamah. Dalam hal ini, seksyen 108, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan:

“Apabila soalnya sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.”

Seksyen 108, Akta Keterangan 1950 ini telah memperuntukkan tempoh yang membolehkan seseorang yang hilang itu dianggap telah mati mestilah menunggu selama tujuh tahun. Permasalahan yang timbul di sini adalah mengenai harta si mati, bagaimana cara pembahagian harta pusaka tersebut.

2.0 HUKUM MENGENAI HARTA MAFQŪD

Seseorang yang hilang tiada khabar berita tentang dirinya adakah masih hidup atau pun telah meninggal dunia, serta tiada bahan bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia. Sebagaimana yang berlaku pada peristiwa misteri kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 yang membawa 12 anak kapal dan 227 penumpang, yang hilang daripada imbasan radar semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 8 Mac tahun 2014, sehingga kini masih dalam pencarian. Dalam situasi tersebut bagaimana dengan harta si *Mafqūd*, adakah harta tersebut boleh diagih-agihkan kepada ahli waris yang lain? Atau diserahkan kepada Baitul Mal? Atau? Persoalan yang timbul inilah pengkaji akan bincangkan dalam tajuk ini.

Secara dasarnya, fuqaha bersepakat bahawa *Mafqūd* tidak dianggap sebagai mati kerana asalnya adalah hidup kecuali ada bukti yang menunjukkan *Mafqūd* itu telah mati, atau telah sampai tempoh pada kebiasaan secara *Zannī* bahawa dia (*Mafqūd*) tidak hidup lebih dari usia itu (Dr. Abdul Karim Bin Muhammad, 1987: 168). Oleh itu, orang yang hilang tidak boleh dianggap sebagai telah meninggal dunia terus apabila ia hilang, dan harta *Mafqūd* tidak boleh dijadikan sebagai harta pusaka, ini kerana syarat mewarisi harta pusaka terdiri daripada tiga syarat iaitu: matinya pemilik harta (*Mautul Muwarrith*), waris hidup ketika pemilik harta mati (*Hayātul Wārith Waqtu Mauti al-Muwarrith*) dan mengetahui salasilah ahli waris (*al-‘Ilmu Bi Jihati al-Irthi*) (Muhammad Mirābī, 2008: 23), matinya pemilik harta adalah menjadi syarat utama dalam mewarisi harta pusaka, sedangkan *Mafqūd* adalah orang yang hilang serta dalam tempoh pencarian. Oleh itu, *Mafqūd* tidak boleh dianggap sebagai telah mati.

Menurut al-Ṣabūnī (2008: 205), menyatakan bahawa fuqaha telah menetapkan hukum bagi *Mafqūd* suatu ketetapan, iaitu tidak boleh dikahwini isterinya, dan tidak boleh diwarisi hartanya serta tidak boleh dibelanjakan hartanya sehinggalah diketahui keadaannya, dan zahir perkara tersebut sama ada *Mafqūd* itu hidup atau mati, atau telah berlalunya suatu tempoh pada kebiasaannya secara *Zannī* orang yang hilang itu akan mati dalam tempoh tersebut, serta hakim menetapkan sebagai telah mati (Anggapan Mati). Ini bermakna, segala harta alih atau tidak alih hak milik *Mafqūd* tidak boleh dijadikan sebagai harta pusaka, dan tidak boleh dibelanjakan atau dibinasakan harta tersebut, kerana harta tersebut masih kekal menjadi hak milik si *Mafqūd* sehinggalah ditetapkan oleh hakim atau pihak yang berkewajipan bahawa *Mafqūd* telah mati atau dikira sebagai mati *Hukmī*. Perkara tersebut telah disepakati oleh ulamak bahawa hukum *Mafqūd* asalnya adalah hidup, sehinggalah sabit (ada bukti yang menunjukkan) telah mati, adapun hartanya (si *Mafqūd*) dan haknya terpelihara baginya, serta harta tersebut tidak boleh diagihkan sesuatu pun kepada ahli warisnya sehinggalah telah ada bukti yang menyatakan telah mati *Mafqūd* tersebut (Nasir Bin Muhammad al-Ghāmīdī, 2011: 480).

Hukum ini diguna pakai juga dalam pembahagian harta pusaka Islam di negara Malaysia yang menetapkan syarat perlu mendapatkan surat anggapan kematian daripada Mahkamah Tinggi Malaysia sebelum membolehkan pembahagian harta *Mafqūd* diagihkan kepada waris-warisan yang lain. Ketetapan ini berdasarkan kepada peruntukan Undang-undang Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 108, Akta Keterangan 1950, Akta 56, memperuntukkan bahawa seseorang yang hilang itu boleh dianggap mati mestilah menunggu setelah tidak mendengar khabar berita tentang diri orang yang hilang itu selama tujuh tahun. Anggapan kematian ini akan dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi bagi tujuan untuk memohon surat mentadbir harta pusaka.

3.0 HUKUM MENGENAI HAK *MAFQŪD* DALAM MEWARISI HARTA PUSAKA

Hukum *Mafqūd* seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, bahawa orang yang hilang itu dikira masih hidup sehinggalah ada bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah mati, atau telah melalui suatu tempoh yang membolehkan dianggap telah mati. Oleh itu, orang yang hilang adalah berhak mewarisi pusaka selagi tidak dihukum dia telah mati atau selagi tidak dihukum telah mati oleh hakim melalui anggapan kematian (Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006: 56). Kelayakan bagi seseorang ahli waris untuk mewarisi harta pusaka adalah disyaratkan waris masih hidup ketika matinya pemilik harta, *Mafqūd* adalah dikira sebagai ahli waris yang masih hidup selagi mana belum hukum sebagai Mati *Hukmī*.

Apabila seseorang telah meninggal dunia, salah seorang ahli waris si mati yang bakal mewarisi harta pusaka tersebut adalah *Mafqūd* seperti anak si mati atau saudaranya atau lain-lain ahli warisnya yang layak mewarisi harta pusaka dari si mati adalah *Mafqūd*, andai kata ahli waris yang meninggal

dunia itu berlaku ketika hakim telah memutuskan bahawa *Mafqūd* itu telah meninggal dunia melalui surat perintah anggapan kematian, dalam kes ini *Mafqūd* tidak boleh mewarisi harta pusaka daripada ahli waris tersebut kerana telah meninggal dunia. Orang yang telah sah meninggal dunia tidak boleh mewarisi harta pusaka dari waris yang baru meninggal dunia sebagaimana telah dinyatakan bahawa syarat mewarisi harta pusaka adalah waris masih hidup ketika matinya pemilik harta.

Sekiranya ahli waris yang meninggal dunia itu berlaku ketika hakim belum memutuskan bahawa *Mafqūd* itu telah meninggal dunia kerana masih dalam tempoh penantian dan masih dalam pencarian, dalam kes ini *Mafqūd* dikira masih hidup dan boleh mewarisi harta pusaka dari ahli warisnya itu, seperti yang dinyatakan oleh al-'Uthaimīn (2008: 281), sekiranya ahli waris yang meninggal dunia itu berlaku ketika (*Mafqūd*) melebihi tempoh penantian (yang telah ditetapkan), *Mafqūd* ketika itu tidak boleh mewarisi harta pusaka, kerana telah dikira telah mati, maka tidak boleh mewarisi harta pusaka. Sekiranya ahli waris yang meninggal dunia itu berlaku ketika (*Mafqūd*) masih dalam tempoh penantian (belum sampai suatu tempoh yang boleh dianggap sebagai telah mati) ketika ini *Mafqūd* boleh mewarisi harta pusaka.

Menurut Wahbah Zuhailī, (2013: 103), terdapat perbezaan dalam kalangan ulamak dalam menetapkan hak *Mafqūd* dalam mewarisi harta pusaka kepada dua pandangan iaitu pandangan pertama yang mengatakan *Mafqūd* tiada hak dalam mewarisi harta pusaka, antaranya mazhab Hanafi menyatakan bahawa *Mafqūd* tidak memiliki hak-hak istimewa dari orang lain, seperti hak dalam mewarisi harta pusaka, wasiat dan lain-lainnya, dan Mazhab Hambali juga menetapkan bahawa *Mafqūd* tidak boleh mendapatkan warisan dari ahli warisnya yang telah meninggal dunia. Adapun majoriti ulamak berpendapat bahawa *Mafqūd* berhak mendapat pewarisan dalam pembahagian harta pusaka daripada ahli warisnya walaupun hartanya (*Mafqūd*) tidak diwarisi, kerana *al-Istishāb* adalah dalil untuk menolak dan menetapkan hak selagi tiada bukti-bukti yang menghalangi untuk menetapkan keadaan seperti sebelumnya.

Konklusinya, berdasarkan dalil-dalil ini. Pengkaji melihat dalam pembahagian harta pusaka Islam telah meletakkan bahawa *Mafqūd* mempunyai hak dalam mewarisi harta pusaka dari ahli warisnya yang telah meninggal dunia berdasarkan kepada ketetapan dan syarat yang telah dinyatakan, pandangan ini adalah lebih kuat sebagai mana yang dinyatakan oleh Jamhur Ulamak berdalilkan kepada hukum *al-Istishāb*. Cara pengiraan dan contoh masalah secara terperinci akan dibincangkan dalam bahagian yang berikut.

4.0 HUKUM BAGI KES MAFQUD YANG KEMBALI SETELAH DIPUTUSKAN SEBAGAI MATI

Apabila seseorang yang hilang tanpa ada khabar berita tentang dirinya, dan tidak diketahui sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia, sehingga ada bahan bukti yang menyatakan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia atau hakim telah memutuskan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia kerana telah melebihi tempoh tertentu, serta mengeluarkan surat perintah anggapan kematian oleh hakim. Setelah itu, orang yang hilang serta dianggap telah mati itu kembali semula selepas itu dan masih hidup, sedangkan harta dan haknya telah dijadikan sebagai harta pusaka. Adakah *Mafqūd* yang kembali semula ini masih dianggap sebagai telah mati dan bagaimana pula dengan hak dan hartanya?

Peristiwa tentang *Mafqūd* yang kembali semula setelah diputuskan oleh hakim telah meninggal dunia sebagai mati *Hukmī* ini pernah berlaku di zaman khalifah Umar al-Khaṭṭāb R.A Abdul Rahman Bin Abi Laila telah menceritakan bahawa pernah berlaku pada zaman khalifah Umar al-Khaṭṭāb R.A seorang lelaki yang dihilangkan oleh jin dalam tempoh melebihi empat tahun. Oleh itu Umar al-Khaṭṭāb telah membenarkan isteri lelaki yang hilang tersebut berkahwin dengan lelaki yang lain setelah

menunggu selama empat tahun, kemudian suami wanita tersebut kembali semula setelah sekian lama hilangnya. Peristiwa ini telah diriwayatkan oleh Imam Baihaqī (al-Baihaqī, 2003: 15570):

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي لَيْلَى " أَنَّ رَجُلًا مِنْ قَوْمِهِ مِنَ الْأَنْصَارِ خَرَجَ يُصَلِّيَ مَعَ قَوْمِهِ الْعِشَاءَ، فَسَبَتْهُ الْجِنُّ فَفُقِدَ، فَاَنْطَلَقَتْ امْرَأَتُهُ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَصَّتْ عَلَيْهِ الْقِصَّةَ، فَسَأَلَ عَنْهُ عُمَرُ قَوْمَهُ فَقَالُوا: "نَعَمْ خَرَجَ يُصَلِّيَ الْعِشَاءَ فَفُقِدَ" فَأَمَرَهَا أَنْ تَرَبِّصَ أَرْبَعَ سِنِينَ، فَلَمَّا مَضَتْ الْأَرْبَعُ سِنِينَ، أَتَتْهُ فَأَخْبَرَتْهُ، فَسَأَلَ قَوْمَهَا فَقَالُوا: نَعَمْ فَأَمَرَهَا أَنْ تَتَزَوَّجَ، فَتَزَوَّجَتْ، فَجَاءَ زَوْجُهَا يُخَاصِمُ فِي ذَلِكَ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: " يَغِيبُ أَحَدُكُمْ الزَّمَانَ الطَّوِيلَ لَا يَعْلَمُ أَهْلُهُ حَيَاتَهُ " , فَقَالَ لَهُ: إِنَّ لِي عُذْرًا يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، قَالَ: وَمَا عُذْرُكَ؟ قَالَ: خَرَجْتُ أَصَلِّيَ الْعِشَاءَ فَسَبَّتَنِي الْجِنُّ، فَلَبِثْتُ فِيهِمْ زَمَانًا طَوِيلًا ...، قَالَ: فَخَيَّرَهُ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بَيْنَ الصَّدَاقِ وَبَيْنَ امْرَأَتِهِ "

Maksud: "Daripada Abdul Rahman Bin Abi Laila (telah menceritakan bahawa), seorang lelaki dari kalangan kaumnya iaitu dari golongan Ansar telah keluar pada suatu malam untuk menunaikan solat isyak bersama kaumnya, lelaki tersebut telah ditangkap oleh Jin. Setelah itu datanglah isterinya kepada Umar al-Khattāb R.A seraya menceritakan mengenai suaminya yang hilang tanpa khabar berita tersebut. Umar al-Khattāb R.A menanyakan saksi dari kaumnya, mereka menyatakan: "Benar, dia (suami wanita tersebut) telah keluar untuk solat isyak kemudian ia hilang" maka Umar al-Khattāb R.A mengarahkan wanita tersebut untuk menunggu selama empat tahun.

Apabila telah berlalu tempoh empat tahun, wanita tersebut telah datang bertemu semula dengan Umar al-Khattāb R.A menceritakan keadaan yang sama. Beliau menanyakan saksi dari kaumnya, mereka menjawab: "Betul (apa yang dinyatakan)". Umar al-Khattāb R.A membenarkan wanita tersebut untuk berkahwin lain, maka kahwinlah wanita tersebut dengan lelaki yang lain, setelah itu kembali semula suaminya yang hilang tersebut, berlakulah pertelingkahan di antara mereka dan dibawa kepada Umar al-Khattāb R.A seraya berliu berkata: "seseorang di kalangan kamu telah menghilangkan dirinya dalam tempoh yang sangat lama sehingga ahli keluarganya tidak mengetahui bagaimana keadaannya hidup atau sebagainya!" lelaki tersebut berkata: "sesungguhnya saya ada keuzuran wahai *Amīrul Mukminīn*" beliau bertanya: "apakah keuzuran kamu?" lelaki tersebut menjawab: "saya keluar untuk menunaikan solat isyak (pada suatu malam), lalu Jin telah menahan dan menangkap saya tinggal di tempat mereka dalam masa yang sangat lama..." Umar al-Khattāb R.A beri pilihan kepada lelaki yang hilang tersebut untuk memilih antara mas kahwin atau isterinya."

(al-Baihaqī)

Hadis di atas menerangkan bahawa Umar al-Khattāb R.A memberi hak memilih kepada *Mafqūd* yang telah dianggap mati *Hukmī* kemudian kembali semula setelah itu, ia berhak untuk memilih samada ingin tinggal bersama dengan isterinya semula sebagai suami isteri atau menerima wang mas kahwin sebagai pampasan dan berpisah dari isterinya. Iaitu dikembalikan semula hak kepada *Mafqūd* sebagai seorang suami kepada wanita tersebut, sama juga apa yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Karim Muhammad al-Lūhim (1986: 175), apabila *Mafqūd* kembali setelah dianggap telah meninggal dunia hendaklah dikembalikan haknya semula daripada orang yang telah mengambilnya. Hak ini dikira dari


sudut ikatan perkahwinan, apabila telah sabit dalam perkara pernikahan maka dalam perkara harta adalah lebih utama (Nasir Bin Muhammad al-Ghāmīdī, 2011: 479).

Anggapan kematian atau mati *Hukmī* yang dikeluarkan oleh hakim setelah menunggu dalam tempoh tertentu adakah ia dikira sebagai dalil *Qat'ī* atau *Zannī*? Maka jawapannya adalah *Zannī*, kerana pada dasarnya tidak diketahui orang yang hilang itu masih hidup atau telah mati, adapun keputusan hakim itu adalah secara *Zannī* bahawa *Mafqūd* itu telah mati, kemungkinan ia akan kembali semula selepas itu (al-'Uthaimīn, 2011: 479). Menurut Dr. Nasir Bin Muhammad al-Ghāmīdī, (2011: 489), kembalinya *Mafqūd* setelah diputuskan telah meninggal dunia ternyata masih hidup, dan hartanya telah diagihkan kepada ahli warisnya, oleh itu, hendaklah dikembalikan semula segala harta si *Mafqūd* yang masih tinggal belum dibelanjakan daripada ahli warisnya. Adapun harta si *Mafqūd* yang telah dibelanjakan oleh ahli warisnya daripada harta yang dijadikan sebagai harta pusaka tersebut tidak perlu diganti semula, kerana ahli waris yang menerima harta tersebut adalah sah atas ketetapan daripada hakim, dan tiada jaminan terhadap harta tersebut.

Hukum *Mafqūd* yang kembali semula setelah dianggap telah mati ia dikira sebagai masih hidup walaupun hakim telah memutuskannya telah mati, serta *Mafqūd* mempunyai hak dalam hubungan perkahwinan samada memilih untuk bersama isterinya atau wang mas kahwin sebagai pampasan, dan ia juga berhak mengambil semula hartanya yang telah diagihkan kepada ahli warisnya semasa ketiadaannya. Hukum syarak telah menetapkan bahawa orang yang hilang tidak diketahui keadaannya adakah masih hidup atau telah mati, serta tiada bahan bukti yang menunjukkan bahawa orang yang hilang itu telah mati, maka orang yang hilang ini dikira sebagai *Mafqūd* dan segala haknya terpelihara sehingga hakim memutuskan status *Mafqūd* hidup atau mati melalui perintah anggapan kematian, tempoh yang membolehkan *Mafqūd* dianggap telah mati adalah pada keputusan hakim, ia akan melibatkan aspek pembahagian harta pusaka dan pembubaran perkahwinan.

5.0 TEORI AL-TAQDĪR SEBAGAI PENYELESAIAN KEPADA PEMASALAHAN KES-KES HARTA PUSAKA DALAM ISU MAFQŪD

Berasaskan teori *al-Taqdīr*, pembahagian harta pusaka dalam kes *Mafqūd* boleh disegerakan, iaitu diagihkan harta pusaka si mati tersebut kepada ahli waris yang layak menerimanya dengan kadar yang paling minimum. Ketika ini, *Mafqūd* diandaikan kepada dua keadaan iaitu mati dan hidup. Sekiranya ada perbezaan kadar di antara andaian mati atau andaian hidup, maka harta pusaka itu diagihkan kepada ahli waris dalam kadar yang paling sedikit bahagiannya (Muhammad Mirābī, 2008: 135).



Rajah 5.1: Kaedah Pengiraan Teori *al-Taqdīr*

Berdasarkan kepada teori *al-Taqdīr*, adalah diandaikan *Mafqūd* kepada dua, iaitu dijalankan pengiraan dengan dianggap *Mafqūd* sebagai mati, dan yang kedua dijalankan pengiraan dengan

dianggap *Mafqūd* sebagai hidup. Setelah itu dibuat pengiraan *al-Jam’u*, iaitu digabungkan di antara pengiraan anggap hidup dan pengiraan anggap mati, lalu dipilih kadar yang paling sedikit bahagiannya yang ahli waris perolehi di antara dua anggap tersebut. Sekiranya ada bahagian yang lebih ianya akan disimpan sehingga status *Mafqūd* tersebut diputuskan oleh mahkamah sama ada hidup atau mati. Seterusnya barulah diagihkan bahagian yang disimpan tersebut kepada ahli waris yang layak setelah diputuskan status *Mafqūd*.

Mengenai pengiraan untuk pembahagian pusaka, setelah selesai pengiraan berdasarkan teori *al-Taqdīr*, seterusnya dimulakan pembahagian harta pusaka kepada setiap ahli waris yang layak mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam pengiraan teori *al-Taqdīr* tersebut. Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah:

$$\frac{\text{Jumlah Harta}}{\text{Aşlu al – Masalah}} \times \text{Saham} = \text{Naşīb}$$

Rajah 5.2: Kaedah Pengiraan Pembahagian Harta

Berdasarkan Rajah 5.2, kesemua jumlah harta si mati dibahagikan dengan *Aşlu al-Masalah*, kemudian didarabkan dengan saham ahli waris tersebut. Hasil daripada pengiraan tersebut merupakan bahagian yang perlu diagihkan kepada waris tersebut. Pembahagian pusaka dalam kes *Mafqūd* ini telah dikategorikan kepada tiga keadaan, iaitu (Nasir Bin Muhammad al-Ghāmīdī, 2011: 481):

1. *Mafqūd* adalah pewaris tunggal, atau bersama dengan waris yang lain tetapi waris tersebut terhalang *Hajbu Hurmān* dengan *Mafqud*.
2. *Mafqūd* tidak mewarisi harta pusaka dari ahli warisnya kerana terhalang dengan *Hajbu Hurmān* oleh waris lain yang layak mewarisi harta pusaka serta keadaannya wujud.
3. *Mafqūd* mewarisi harta pusaka bersama dengan ahli waris yang lain secara bersama.

5.1 KEADAAN MAFQŪD ADALAH PEWARIS TUNGGAL

Mafqūd merupakan pewaris tunggal atau bersama dengan waris yang lain tetapi waris tersebut terhalang dengan *Hajbu Hurmān* (terhalang daripada mewarisi harta pusaka secara total) oleh *Mafqūd*, iaitu *Mafqūd* yang menghalang waris tersebut. Dalam kes ini ditangguhkan pembahagian harta pusaka tersebut sehinggalah diputuskan keadaan *Mafqūd*, sekiranya *Mafqūd* itu ternyata masih hidup dia mewarisi harta pusaka kesemuanya, dan sekiranya *Mafqūd* itu terbukti telah mati atau telah melebihi tempoh yang ditetapkan dan diputus oleh hakim sebagai mati *Hukmī*, harta pusaka tersebut diagihkan kepada yang berhak. Contoh masalah *Mafqūd* adalah pewaris tunggal: seorang perempuan mati meninggalkan seorang anak lelaki (AL) sahaja sebagai waris tunggal kerana tiada waris yang lain, anak lelaki (AL) tersebut hilang tidak diketahui adakah masih hidup atau telah mati, si mati mempunyai harta sebanyak RM 2.6 bilion. Cara pembahagiannya, dalam kes ini harta pusaka tersebut tidak boleh diagihkan sehinggalah diputuskan oleh hakim keadaan *Mafqūd* itu hidup atau mati. Pengiraannya adalah seperti berikut:

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
AL (<i>Mafqūd</i>)	ξ	1

Jadual 5.1: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Telah Diputuskan Sebagai Hidup

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (<i>Mafqūd</i>)	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$

Jadual 5.2: Pembahagian Harta Pusaka 2

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
AL (<i>Mafqūd</i>)	-	-
BM	ξ	1

Jadual 5.3: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Telah Diputuskan Sebagai Mati

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada
2.	BM	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$

Jadual 5.4: Pembahagian Harta Pusaka 4

Keterangan: Dalam jadual 5.1 *Mafqūd* yang telah diputuskan sebagai hidup. Kadar yang ditetapkan untuk anak lelaki (AL) adalah mengambil 'Aṣabah Bi Nafsih. Aṣlu al-Masalah ialah 1 saham, bahagian untuk anak lelaki (AL) adalah 1 saham. Seterusnya ialah pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Dalam jadual 5.2 hasil pembahagian harta, bahagian untuk anak lelaki (AL) mendapat pusaka sebanyak RM 2.6 bilion. Dalam keadaan ini *Mafqūd* boleh mewarisi harta pusaka kerana *Mafqūd* tersebut masih hidup. Dalam jadual 5.3 *Mafqūd* yang telah diputuskan sebagai mati. Kadar yang ditetapkan untuk anak lelaki (AL) adalah tidak mewarisi apa-apa sedikit pun daripada harta peninggalan si mati, kerana anak lelaki tersebut telah diputuskan oleh mahkamah telah mati, oleh itu tidak layak menerima harta pusaka tersebut. Dalam jadual 5.4 harta pusaka sebanyak RM 2.6 bilion itu diberikan kepada Baitul Mal (BM) atau kepada yang berhak.

Bagi masalah *Mafqūd* bersama dengan waris yang lain tetapi waris tersebut terhalang *Hajbu Hurmān*, contohnya seperti berikut: seorang lelaki mati meninggalkan seorang anak lelaki (AL) dan seorang saudara kandung seibu sebapa lelaki (SIBL), anak lelaki (AL) tersebut hilang tidak diketahui adakah masih hidup atau telah mati, si mati mempunyai harta sebanyak RM 2.6 bilion. Cara pembahagiannya, dalam kes ini harta pusaka tersebut tidak boleh diagihkan sehinggalah diputuskan oleh hakim mengenai status *Mafqūd* adakah hidup atau mati. Apabila mahkamah telah memutuskan status *Mafqūd*, maka pengiraannya seperti berikut:

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
AL (<i>Mafqūd</i>)	ξ	1
SIBL	Terhalang	-

Jadual 5.5: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Telah Diputuskan Sebagai Hidup

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (<i>Mafqūd</i>)	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$
2.	SIBL	Tiada

Jadual 5.6: Pembahagian Harta Pusaka 6

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
AL (<i>Mafqūd</i>)	-	-
SIBL	ε	1

Jadual 5.7: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Telah Diputuskan Sebagai Mati

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	AL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada
2.	SIBL	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$

Jadual 5.8: Pembahagian Harta Pusaka 8

Keterangan: Dalam jadual 5.5 *Mafqūd* yang telah diputuskan sebagai hidup. Kadar yang ditetapkan untuk anak lelaki (AL) adalah mengambil *‘Aṣabah Bi Nafsih*, untuk saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah terhalang kerana si mati mempunyai *Far’u Wāris* iaitu anak lelaki (AL). *Aṣlu al-Masalah* ialah 1 saham, bahagian untuk anak lelaki (AL) adalah 1 saham, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah terhalang. Seterusnya ialah pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Dalam jadual 5.6 hasil pembahagian harta, bahagian untuk anak lelaki (AL) mendapat pusaka sebanyak RM 2.6 bilion, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) tidak mewarisi harta pusaka.

Dalam jadual 5.7 *Mafqūd* yang telah diputuskan sebagai hidup. Kadar yang ditetapkan untuk anak lelaki (AL) adalah tidak mewarisi apa-apa sedikit pun daripada harta peninggalan si mati, kerana anak lelaki tersebut telah diputuskan oleh mahkamah bahawa dia telah mati. Untuk saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah mengambil *‘Aṣabah Bi Nafsih* kerana si mati tiada *Far’u Wāris* dan tiada waris yang menghalangnya. *Aṣlu al-Masalah* ialah 1 saham, anak lelaki (AL) adalah tidak mewarisi harta pusaka, Untuk saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah 1 saham. Seterusnya ialah pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Dalam jadual 5.8 hasil pembahagian harta, anak lelaki (AL) tidak mewarisi harta pusaka, untuk saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) mendapat pusaka sebanyak RM 2.6 bilion.

5.2 KEADAAN *MAFQŪD* KETIKA TIDAK MEWARISI HARTA PUSAKA DARI AHLI WARISNYA

Mafqūd tidak mewarisi harta pusaka kerana terhalang dengan *Hajbu Hurmān* oleh waris lain yang layak mewarisi harta pusaka. Dalam kes ini diagihkan terus pembahagian harta pusaka tersebut tidak perlu ditangguhkan pembahagian harta pusaka itu sehinggalah diputuskan keadaan *Mafqūd*, kerana tiada perbezaan di antara hidup atau matinya *Mafqūd*, sebab ianya terhalang dan bukan waris yang layak mewarisi harta pusaka. Contoh masalah: Seorang lelaki mati meninggalkan bapanya dan seorang saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) yang hilang tidak diketahui adakah masih hidup atau telah mati, si mati mempunyai harta sebanyak RM 2.6 bilion. Cara pembahagiannya, dalam kes ini diagihkan terus pembahagian harta pusaka tersebut kepada ahli waris lain kerana tiada perbezaan diantara hidup atau matinya *Mafqūd* sebab ianya terhalang dan bukan waris yang layak mewarisi harta pusaka. Contoh adalah seperti berikut:

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
Bapa	ε	1
SIBL (<i>Mafqūd</i>)	Terhalang	-

Jadual 5.9: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Apabila Diputuskan Sebagai Hidup

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Bapa	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$
2.	SIBL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada

Jadual 5.10: Pembahagian Harta Pusaka 10

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		1
Bapa	ξ	1
SIBL (<i>Mafqūd</i>)	-	-

Jadual 5.11: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Apabila Diputuskan Sebagai Mati

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Bapa	$\frac{\text{RM 2.6 Bilion}}{1} \times 1 = \text{RM 2.6 Bilion}$
2.	SIBL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada

Jadual 5.12: Pembahagian Harta Pusaka 12

Keterangan: Dalam jadual 5.9 *Mafqūd* apabila diputuskan sebagai hidup. Kadar yang ditetapkan untuk bapa adalah mengambil ‘*Aṣabah Bi Nafsih* kerana si mati tiada meninggalkan *Far’u Wāris*, untuk saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah terhalang dengan bapa si mati. *Aṣlu al-Masalah* ialah 1 saham, bahagian untuk bapa adalah 1 saham, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) adalah terhalang. Dalam jadual 5.10 pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Hasil pembahagian harta, bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM 2.6 bilion, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) tidak mewarisi harta pusaka.

Dalam jadual 5.11 merujuk kepada keadaan *Mafqūd* apabila diputuskan sebagai mati. Kadar yang ditetapkan untuk bapa adalah mengambil ‘*Aṣabah Bi Nafsih* kerana si mati tiada meninggalkan *Far’u Wāris*, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) tidak mewarisi pusaka kerana telah mati. *Aṣlu al-Masalah* ialah 1 saham, bahagian untuk bapa adalah 1 saham, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) tiada. Seterusnya ialah pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Dalam jadual 5.12 hasil pembahagian harta, bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM 2.6 bilion, saudara seibu sebapa lelaki (SIBL) tidak mewarisi harta pusaka. Dalam keadaan *Mafqūd* dianggap sebagai hidup atau mati adalah sama ianya tidak mewarisi harta pusaka.

5.3 KEADAAN *MAFQŪD* MEWARISI HARTA PUSAKA BERSAMA DENGAN AHLI WARIS YANG LAIN SECARA BERSAMA

Cara pembahagian bagi keadaan *Mafqūd* mewarisi harta pusaka bersama dengan ahli waris yang lain secara bersama adalah dengan kaedah, *Mafqūd* dianggapkan kepada dua keadaan iaitu mati dan hidup, sekiranya ada perbezaan kadar di antara anggap mati atau anggap hidup maka harta pusaka itu diagihkan kepada ahli waris dalam kadar yang paling sedikit bahagiannya (Muhammad Mirābī, 2008: 135), dan bahagian yang lebihnya ditangguhkan pembahagiannya sehinggalah ternyata keadaan *Mafqūd* itu hidup atau mati. Ini adalah pandangan mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafie dan mazhab Hambali serta pandangan kebanyakan ulamak (Dr. Nasir *al-Ghāmīdī*, 2011: 484). Dalam kategori ini akan melibatkan pembahagian dua kali, iaitu pembahagian sebelum diputuskan status *Mafqūd* dan kali kedua adalah pembahagian setelah diputuskan status *Mafqūd*.

5.3.1 PEMBAHAGIAN SEBELUM DIPUTUSKAN STATUS MAFQŪD

Contoh masalah: Seorang lelaki mati meninggalkan ibu dan bapanya dan seorang anak lelaki (AL) yang hilang tidak diketahui adakah masih hidup atau telah mati, si mati mempunyai harta sebanyak RM 6 bilion. Cara pembahagiannya, dalam kes ini boleh diagihkan terus pembahagian harta pusaka tersebut kepada ahli waris si mati yang wujud, dan pilih kadar yang paling sedikit bahagiannya di antara anggap hidup dan mati untuk diagihkan kepada ahli waris tersebut. Pengiraannya seperti berikut:

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		6
Bapa	$\frac{1}{6}$	1
Ibu	$\frac{1}{6}$	1
AL (<i>Mafqūd</i>)	ε	4

Jadual 5.13: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Dianggapkan Sebagai Hidup

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Bapa	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{6} \times 1 = \text{RM 1 Bilion}$
2.	Ibu	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{6} \times 1 = \text{RM 1 Bilion}$
3.	AL (<i>Mafqūd</i>)	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{6} \times 4 = \text{RM 4 Bilion}$

Jadual 5.14: Pembahagian Harta Pusaka 14

Waris	Kadar	Pengiraan 1
		3
Bapa	ε	2
Ibu	$\frac{1}{3}$	1
AL (<i>Mafqūd</i>)	-	-

Jadual 5.15: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Yang Dianggapkan Sebagai Mati

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Bapa	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{3} \times 2 = \text{RM 4 Bilion}$
2.	Ibu	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{3} \times 1 = \text{RM 2 Bilion}$
3.	AL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada

Jadual 5.16: Pembahagian Harta Pusaka 16

Waris	Anggap Hidup	Anggap Mati		<i>al-Jam'u</i>
	6	3	6	
Bapa	1	2	4	1
Ibu	1	1	2	1
AL (<i>Mafqūd</i>)	4	-	-	-

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM 4 bilion

Jadual 5.17: Pengiraan Harta Pusaka Bagi Kes *Mafqūd* Secara *al-Jam'u*

Bil.	Waris	Hasil Pembahagian
1.	Bapa	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{6} \times 1 = \text{RM 1 Bilion}$
2.	Ibu	$\frac{\text{RM 6 Bilion}}{6} \times 1 = \text{RM 1 Bilion}$
3.	AL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada

Jadual 5.18: Pembahagian Harta Pusaka 18

Keterangan: Dalam jadual 5.13 *Mafqūd* dianggapkan sebagai hidup. Kadar yang ditetapkan untuk bapa adalah satu perenam disebabkan si mati mempunyai *Far’u Wāris* iaitu anak lelaki, untuk ibu satu perenam juga kerana si mati mempunyai *Far’u Wāris* iaitu anak lelaki, untuk anak lelaki (AL) mengambil *‘Aṣabah Bi Nafsih*. *Aṣlu al-Masalah* adalah 6 saham, bahagian untuk bapa ialah 1 saham, untuk ibu ialah 1 saham juga dan bagi anak lelaki (AL) dapat 4 saham. Dalam jadual 5.15 *Mafqūd* dianggapkan sebagai mati. Kadar yang ditetapkan untuk bapa adalah mengambil *‘Aṣabah Bi Nafsih* kerana si mati tiada *Far’u Wāris*, untuk ibu satu pertiga kerana si mati tiada *Far’u Wāris*, anak lelaki (AL) tidak mewarisi apa-apa sedikit pun daripada harta peninggalan si mati kerana dikira telah mati. *Aṣlu al-Masalah* adalah 3 saham, bahagian untuk bapa ialah 2 saham, untuk ibu ialah 1 saham, anak lelaki (AL) tiada bahagian untuknya.

Dalam jadual 5.17 pengiraan secara *al-Jam’u* digabungkan di antara pengiraan anggap hidup dan pengiraan anggap mati, dipilih kadar yang paling sikit bahagiannya yang ahli waris dapat di antara dua anggap tersebut, setelah disamakan terdahulu *Aṣlu al-Masalah* di antara pengiraan anggap hidup dengan pengiraan anggap mati. Hasilnya, *Aṣlu al-Masalah* bagi pengiraan *al-Jam’u* adalah 6 saham, bahagian untuk bapa ialah 1 saham, untuk ibu ialah 1 saham, anak lelaki (AL) *Mafqūd* dalam keadaan ini tidak diberikan apa-apa bahagian kepadanya. Baki empat saham. Dalam jadual 5.18 pembahagian harta, kaedahnya ialah dibahagikan jumlah harta dengan *Aṣlu al-Masalah* kemudian didarabkan dengan saham ahli waris. Hasil pembahagian harta, bahagian untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM 1 bilion, untuk ibu mendapat pusaka sebanyak RM 1 bilion, untuk anak lelaki (AL) *Mafqūd* dalam keadaan ini tidak diberikan apa-apa bahagian kepadanya. Harta pusaka yang disimpan adalah RM 4 bilion, disimpan sehinggalah mahkamah memutuskan status *Mafqūd*.

5.3.2 PEMBAHAGIAN SETELAH DIPUTUSKAN STATUS MAFQŪD

Apabila diputuskan oleh mahkamah bahawa *Mafqūd* masih hidup maka dirujuk kepada pengiraan dan pembahagian dalam jadual (5.13: *Mafqūd* dianggapkan sebagai hidup dan 5.14: pembahagian harta pusaka) untuk pembahagian. Seperti berikut:

Bil.	Waris	Hasil Bahagian	Telah Mengambil	Baki Sebenar
1.	Bapa	RM 1 Bilion	RM 1 Bilion	Tiada
2.	Ibu	RM 1 Bilion	RM 1 Bilion	Tiada
3.	AL (<i>Mafqūd</i>)	RM 4 Bilion	Tiada	RM 4 Bilion

Jadual 5.19: Pembahagian Harta Pusaka 19

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM 4 bilion itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu, hasil pembahagian harta, untuk bapa tiada bahagian, untuk ibu tiada bahagian, untuk anak lelaki (AL) mendapat pusaka sebanyak RM 4 bilion. Sekiranya apabila diputuskan oleh mahkamah bahawa *Mafqūd* telah mati maka dirujuk kepada pembahagian dalam jadual (5.15: *Mafqūd* dianggapkan sebagai mati dan 5.16: pembahagian harta pusaka) untuk pembahagian seperti berikut:

Bil.	Waris	Hasil Bahagian	Telah Mengambil	Baki Sebenar
1.	Bapa	RM 4 Bilion	RM 1 Bilion	RM 3 Bilion
2.	Ibu	RM 2 Bilion	RM 1 Bilion	RM 1 Bilion
3.	AL (<i>Mafqūd</i>)	Tiada	Tiada	Tiada

Jadual 5.20: Pembahagian Harta Pusaka 20

Harta pusaka yang disimpan sebanyak RM 4 bilion itu diagihkan kepada ahli warisnya iaitu, hasil pembahagian harta, untuk bapa mendapat pusaka sebanyak RM 3 bilion, untuk ibu mendapat pusaka sebanyak RM 1 bilion, untuk anak lelaki (AL) tiada bahagian.

6.0 KESIMPULAN

Permasalahan pembahagian harta pusaka bagi kes *Mafqūd* boleh diselesaikan dengan mengguna pakai kaedah pengiraan teori *al-Taqdīr*, iaitu dimulakan pengiraannya dengan dianggarkan orang yang hilang itu mati, setelah itu dimulakan pengiraan kedua dengan dianggarkan orang yang hilang itu hidup, seterusnya pengiraan yang ketiga iaitu digabungkan pengiraan anggap mati dengan pengiraan anggap hidup sebagai pengiraan *al-Jam' u*, hasil pengiraan *al-Jam' u* akan diagihkan bahagian tersebut kepada ahli waris si mati. *Mafqūd* mempunyai hak dalam mewarisi harta pusaka daripada ahli warisnya, dan tidak boleh dianggap sebagai mati *Haqīqī* atau *Hukmī* sehinggalah hakim yang memutuskan status *Mafqūd* itu sebagai telah mati atau kembali semula masih hidup.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin. (2010). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam SDN. BHD.
- Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi. (2006). *Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Monir Yaacob, Suzalie Muhamad. (2002). *Pembangunan Undang-undang Di Rangtau Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia (IKIM).
- Abdul Rashid Hj. Abdul Latif. (2005). *Undang-undang Pusaka Dalam Islam Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Razak Bin Himām Bin Nāfi' al-Şana'ānī. (1983). *al-MuŞannif*. Beirut, Lebanon. al-Majlis al-'Ilmī.
- Abu Abdullah Hanafi bin Dollah. (2015). *Kamus al-Khalīl*. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Abu Hudzaifah. (2008). *Panduan Wakaf, Hibah Dan Wasiat Menurut Al-Quran As-Sunnah*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ahmad Bin Omar Bāzmūl. (2010). *Qawāiḍ wa Ḍawābiḍ Fi Fiqh al-Farāiḍ Wa al-Mawāriḥ*. Cairo, Mesir: Darul Furqan.
- Ahmad Bin Rajab Ibnu Al-Majdī. (2008). *Al-Taklīqu 'ala Nuẓimi al-Lali'a Fi Ilmi al-Farāiḍ*. Madinah, Saudi Arabiyah: 'Imādatu al-Baḥthī al-Ilmī.
- Ahmad Bin Su'aib An-Nasa'i. (2008). *Sunan Al-Nasā'ī*. Edisi Kedua. Riyad, Saudi Arabiyah: Maktabah Al-Ma'ārif Li al-Nashri Wa al-Tawzī'.
- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam Di Malaysia Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Ahmad Muhammad Syakir. (2005). *‘Umdat al-Tafsīr ‘An Al-Hāfīz Ibnu Kathīr*. Edisi Ketiga. Mansurah, Mesir: Dārul Wafā’
- Ahmad Sunawari Long. (2007). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah UKM.
- Al-Bukhārī. (2004). *Ṣahīh Bukhārī*. Cairo, Mesir: Dāru al-Afaq al-‘Arabiyah.
- Ali Bin Omar Bin Ahmad al-dāru Qaṭnīyu. (2004). *Sunan al-dāru Qaṭnīyu*. Beirut, Lebanon. Muassasah al-Risālah.
- Al-Quran al-Karim
- Al-Ṣabūnī. (2008). *Al-Mawāriṭh Fi al-Sharī‘ah al-Islāmiyah Fi Ḍau’i al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Bairut, Lubnan: Syurkah Abnā’ Sharīf al-Anṣārī.
- Al-Saiyid Sābiq. (1999). *Fiqhu al-Sunnah*. Edisi Kedua. Cairo, Mesir: Dārau al-Fath Li al’I’lām al-Arabī.
- Al-Sharbīnī. (2004). *Mughnī al-Muhtāj*. Edisi Ketiga. Bairut, Lubnan: Dāru al-Ma’rifah.
- Al-Shaukānī. (2008). *Fathu al-Qadīr*. Edisi Keempat. Bairut, Lubnan: Muassasah al-Raiyān.
- Al-Ṣibhānī. (2008). *Sunan Abi Dawud*. Cairo, Mesir: Dāru Ibnu al-Haitham.
- Al-Tirmizī. (2004). *Sunan al-Tirmizī*. Cairo, Mesir: Dāru Ibnu Al-Haitham.
- Baharuddin Bin Aziz. (2009). *Takharuj Dalam Pembahagian Pusaka Islam: Kajian Di Daerah Kota Setar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Sains.
- Basri Bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari, Mohd Puzhi Bin Usop. (2007). *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Arif Corporation Sdn. Bhd.
- Dr. Nasir Bin Muhammad al-Ghāmidī. (2011). *Al-Khulāsah Fi ‘Ilmi al-Farāīḍ*. Makkah, EAU: Darul Ṭaiyibah al-Khaḍrā’.
- Ghazali Ibrahim. (2011). *RM42 Billion Pusaka Belum Dituntut?*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- Hailani Muji Tahir. (2007). *Institut Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*. Bangi, Selangor: Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Hj. Abdul Rahman Bin Mohd Adil. (2013). *Hukum Harta pusaka Dan Ilmu Faraid*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlin Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Iznan Ishak. (1994). *Tuntutan Harta Pusaka – Tinjauan Ringkas*. Jurnal Syariah.
- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ramli Awang. (2012). *Buku Pandua Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Tamadun Islam.
- Mohd Shafie Bin Mohd Karli. (2006). *Pentadbiran Dan Pengurusan Harta Tanah Lebihan Faraid Melalui Perolehan Sistem Pusaka Di Majlis Agama Islam Selagor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Sains.
- Mohd Yassin Bin Mohd Yusuf. (2010). *Pentadbiran Harta Pusaka GSA Dalam Sistem Pentadbiran Tanah Negara Dan Bagi Tanah FELDA*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Sains.
- Mohd Zamro Muda. (2009). *Jurnal Ilmiah. Kedudukan Pewarisan Janin Menurut undang-undang Pusaka islam*. Bil 2.2009: 129-142
- Muhammad bin Ṣalih Al-‘Uthaimīn. (2008). *Sharhu Manzumah al-Qalāīḍ al-Burhāniyah Fi ‘Ilmi al-Farāīḍ*. Riyad, Suadi ‘Arabiyah: Madāru al-Watan Linnashrī.
- Muhammad bin Ṣalih Al-‘Uthaimīn. (2009). *Tashīl al-Farāīḍ*. Cairo, Mesir: Dāru Ibnu Hazim.
- Muhammad Bin Zaidi Al-Qarwini. (2005). *Sunan Ibnu Mājah*. Cairo, Mesir: Dāru Ibnu al-Haitham.

- Muhammad Mirābī. (2008). *Al-Rahābiyah Fi 'Ilmi al-Farāiḍ*. Bairut, Lubnan: Muassasah Al-Risālah Nashīrun.
- Muslim Bin Hujjaj al-Nisābūrī. (2009). *Ṣahīh Muslim*. Bairut, Lubnan: Dāru al-Kitāb al-‘Arabī.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2011). *Hibah Dalam Undang-undang Islam Prinsip Dan Amalan*. Unuversiti Teknologi Malaysia: UTM Press.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2012). *Wasiat & Wisayah Dalam Perancangan Harta Prinsip Dan Amalan*. Unuversiti Teknologi Malaysia: UTM Press.
- Nurul Hazira Binti Rahmat. (2009). *Perancangan Harta Mengikut Undang-undang Islam Menggunakan Konsep Hibah*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Sains.
- Othman Mohamed. (2003). *Penulisan Tesis Dalam bidang Sains Sosial Terapan*. Sedang Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah. (1982). *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Ahajar. (2000). *Penilaian Kursus Sistem Maklumat Faraid Berkomputer Di Kalangan Staf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Sains.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-undang Dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, Farid Sufian Shuaib. (2005). *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Abdul Rahman Al-Khatib. (1999). *Hukum Syariat Islam Ke Atas Wanita Hamil*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia Sebelum Dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.